

Kuan Yew mahu uji toleransi Malaysia, Indonesia

JOHOR BAHRU 27 Sept. - Kenyataan provokatif Menteri Mentor Singapura Lee Kuan Yew mengenai masyarakat Cina di Malaysia dan Indonesia sebagai cubaan untuk menguji tahap toleransi kedua-dua negara itu terhadap kenyataannya.

Bekas Duta Malaysia ke Emiriyah Arab Bersatu (UAE), Datuk Syed Hussein Al-Habshee berkata, adalah mustahil jika Lee tidak tahu bahawa kenyataan yang dikeluarkannya itu amat sensitif kepada Kuala Lumpur dan Jakarta.

"Beliau (Lee) sedar dan tahu bahawa kenyataan itu amat sensitif terhadap Malaysia dan Indonesia, ia merupakan strategi untuk menilai tahap toleransi kedua-dua negara terhadap kenyataan provokatif beliau itu.

"Lee Kuan Yew telah seera kalkulatif bertindak sedemikian untuk mengetahui

sejauh mana kedua-dua negara sanggup bertindak berhubung kenyataannya itu," katanya kepada *Bernama* di sini, hari ini.

Menteri Mentor Singapura minggu lepas mengundang kontroversi selepas beliau dilaporkan berkata bahawa Malaysia dan Indonesia telah meminggirkan masyarakat Cina yang tinggal di kedua-dua negara itu secara sistematik.

Kenyataannya itu telah dikritik hebat oleh pemimpin negara ini termasuk dari

MCA dan Gerakan.

Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, beliau akan menulis surat meminta penjelasan daripada Lee tentang maksud di sebalik kenyataannya itu.

Semalam, anggota Parlimen Indonesia turut marah dengan kenyataan Lee itu yang disifatkan sebagai suatu pembohongan serta penghinaan terhadap negaranya dan meminta Menteri Mentor republik

tersebut meminta maaf secara terbuka.

Syed Hussein yang telah berkhidmat dengan Kementerian Luar selama 25 tahun dan bersara pada 2003 berkata, kenyataan sensitif Lee bukanlah sesuatu yang pelik kerana setiap beberapa tahun, beliau akan mengeluarkannya dan ia perlu dilihat dari sudut permainan strategi pemimpin veteran Singapura itu.

- **Bernama**